

Suar a Al - Ist iq amah

Membina Masyarakat Beriman, Berilmu & Beramal

JILID 3, ISU 4

MITA (P) No. 262/12/2002

Nov-Dis 2003

Percuma

Syawal 1424 H

Kekalkan Semangat Ramadan Sepanjang Tahun

SELEPAS berjuang melawan hawa nafsu sepanjang Ramadan, kita kini meraikan kemenangan dengan menyambut Aidil Fitri. Tetapi adakah Ramadan telah meninggalkan kesan dalam diri kita? Jawabannya ada dalam diri kita sendiri. Oleh itu, dalam kita bergembira menyambut Hari Raya, setiap kita wajar mengimbas bagaimana kita telah memanfaatkan sepenuhnya bulan yang penuh barakah itu - sama ada kita keluar dari bulan suci tersebut sebagai orang yang sudah kembali kepada fitrah, iaitu suci bersih sebagaimana bayi yang baru lahir, atau kita sekadar kembali kepada makna fitrah yang lain, iaitu kembali "sarapan" (maknya makan) seperti biasa.

Sesungguhnya, Ramadan didatangkan kepada kita sebagai sebuah madrasah tahunan, bak kepompong yang menjadi tempat penyucian bagi ulat bulu yang kotor dan geli dilihat, sehingga tatkala kita keluar dari Ramadan, kita menjadi manusia yang lebih beriman, berilmu, berakhlak, sebagaimana ulat bulu yang

keluar dari kepompong menjadi kupu-kupu yang indah dipandang mata.

Ramadan telah melatih kita menjaga dua jalur hubungan: "hablum minallah" iaitu hubungan dengan Allah menerusi puasa, tarawih, tahajud dan pelbagai solat dalam qiyamul lail, zakat, solat; dan "hablum minannas" (iaitu hubungan sesama manusia) dengan menjaga diri daripada pelbagai sikap mazmumah (keji) seperti mengumpat, memfitnah, memandang serong dan sebagainya. Ketibaan Syawal menambah peluang untuk kita mengikis terus kesilapan sesama insan dengan saling bermaaf-maafan.

Dalam pada itu, kita diingatkan supaya berpada-pada dan sederhana dalam menyambut Syawal, apatah lagi dalam suasana ekonomi yang masih muram dengan ramai daripada saudara kita dirundung kesedihan kerana terjejas teruk, termasuk mereka yang hilang pekerjaan. Maka itu, adalah tidak wajar jika kita bersikap "israf" atau berlebih-lebihan sehingga membazir. Allah berfirman bahawa mereka yang boros dan membazir itu

adalah kawan syaitan.

Ramadan sudah berlalu, tetapi marilah kita sentiasa menjaga semangat Ramadan sepanjang tahun, dan malah, dalam sepanjang hidup kita. Kita boleh melakukannya dengan saling ingat-mengingat, nasihat menasihati supaya mengerjakan amar maaruf dan mencegah kemungkaran.

Sejajar dengan ini, Masjid Al-Istiqamah telah, sedang akan terus mengatur pelbagai program untuk semua jemaah dari pelbagai lapisan usia untuk membentuk muslim yang beriman, berilmu, beramal dan berakhlak mulia. Kami harap para jemaah akan sentiasa memberi sokongan dan memakmurkan masjid ini dengan menyertai pelbagai program yang dilakar. Semoga kita sama-sama menghidupkan terus pelita Ramadan dengan berusaha berusaha menjadi muslim yang lebih bertanggungjawab pada diri, keluarga, bangsa dan negara. ☺

- Redaksi

Maaf, dari Hati ke Hati

Oleh Mohd Suhaimi Mohsen

SETIAP kali Syawal tiba, setiap kali itu juga kita akan mendengar ucapan yang lumrah: "mohon maaf, zahir bathin".

Sesungguhnya sifat pemaaf itu adalah antara sifat yang terpuji di sisi Allah. Tetapi ini hanya akan berbekas jika ia dilakukan dengan ikhlas - iaitu mulut dan hati sama sekata dalam memohon dan memberi maaf.

Jangan sampai berlaku apa yang dilahir oleh lidah dan bibir itu tidak sama dengan apa yang sebenarnya terpendam di dalam hati kerana itu mempunyai bibit munafik, kata Ustaz Mohd Noor Tijany dalam ceramah mengenai "Pemaaf adalah sifat orang yang bertaqwa".



"Allah Maha Mengetahui apa yang tersimpan di hati kita," ujar Ustaz Mohd Noor yang memimpin siri ceramah Siraman Rohani di Masjid ini setiap Ahad sepanjang Ramadan.

Menurut beliau, ukuran darjat seseorang bukan terletak pada harta dan kekayaannya, tetapi

Bersambung di ms 2...

LPM dan seluruh tenaga
pengelola Masjid
Al-Istiqamah mengucapkan

**Selamat
Hari
Raya
Aidil Fitri**

**Mohon Maaf Zahir
dan Batin.**

... dari ms 1

atas budi bahasa dan sikap pemaaf.

Allah berfirman dalam Surah At-Taghaabun: 14 "... jika kamu memaafkan dan tidak memarahi serta mengampuni, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang".

Sikap saling maaf memaafkan itu adalah penting kerana sebagai manusia, semua orang pernah melakukan kesalahan.

Sikap ini juga merupakan antara ciri penting ke arah mewujudkan keluarga dan sebuah masyarakat yang ramah dan harmoni.

Soal memberi maaf ini banyak terdapat dalam Al-Quran. Dalam surah Al-Baqarah: 63, Allah menyatakan bahawa "Perkataan yang baik dan pemberian maaf lebih baik dari sedekah yang diiring dengan sesuatu yang menyakitkan (perasaan penerima). Allah Maha Kaya lagi Maha Penyantun".

Bagaimana boleh kita bersikap sombong dan tidak mahu memaafkan sedangkan, sebagai manusia, kita saling memerlukan, jika tidak sekarang, pasti pada satu hari kemudian, iaitu setidaknya akhirnya tatkala ruh berpisah dari badan.

"Hari ini kita pakai baju sendiri, satu hari kelak orang yang akan

memakaikan untuk kita; hari ini kita mandi sendiri, satu hari kelak orang akan memandikan kita; dan hari ini kita berjalan sendiri, tetapi satu hari nanti orang akan mengusung kita.

"Jadi usah sombong dan menyendiri. Kita mesti buang sebarang sikap ego yang mungkin ada dalam diri kita dan menanam sifat pemaaf dan ramah," kata beliau.

"Tidak cukup sekadar bersolat, zakat, puasa, dan haji... kita perlu juga menjaga hubungan sesama manusia. Maka itu, tanamkanlah sifat pemaaf."

Beberapa perkara boleh dilakukan untuk memupuk sikap pemaaf.

Satu daripadanya ialah mengamalkan nasihat agama: jika kamu benci seseorang, jangan terlalu benci kerana siapa tahu kamu kelak memerlukan bantuannya, atau orang

orang itu boleh kembali disayangi; dan jangan terlalu sayang, kerana mungkin satu hari kelak kamu akan membencinya.

Kedua: kikis sebarang sikap suka menghasut atau mendengar hasutan kerana ini akan memutuskan tali persahabatan atau persaudaraan.

Ketiga: jangan palingkan muka (tidak bertegur sapa) dengan kenalan. Menurut sepotong hadis, barang siapa yang tidak bertegur sapa lebih daripada tiga hari, dia layak ke neraka.

Keempat: usah melihat ke arah lain tetapi tatap muka dengan wajah mesra ketika bersalaman kerana ia akan meningkatkan ikatan

hubungan.

Kelima: memberi salam lebih baik daripada menjawab salam. Lantas, usah tunggu orang memberi salam, sebaliknya, cari peluang memberi salam lebih dahulu.

Keenam: tidak berdendam, malah membalas perbuatan buruk dengan balasan yang baik; bukan menolak buruk dengan perbuatan yang lebih buruk. Sebarang permusuhan mestilah diselesaikan dengan segera.

Dalam surah Fusysyilat: 34-35, Allah menyatakan: "Dan tidaklah sama kebaikan dan kejahatan. Tolaklah (kejahatan itu) dengan cara yang lebih baik, maka tiba-tiba orang yang antara mu dan antara dia ada permusuhan seolah-olah menjadi teman yang sangat setia.

"Sifat-sifat yang baik itu tidak dianugerahkan melainkan kepada orang-orang yang sabar dan tidak dianugerahkan melainkan kepada orang-orang yang mempunyai keberuntungan yang besar."

Ringkasnya, tidak cukup sekadar bersolat, zakat, puasa, dan haji untuk menjadikan seseorang itu beriman dan mendapat keredhaan Allah s.w.t.

Kita perlu juga menjaga hubungan sesama manusia. Maka itu, tanamkan sifat pemaaf. Dan Hari Raya adalah masa yang baik untuk saling maaf memaafkan.

Justeru, apabila kita memohon dan memberi "maaf zahir batin", pastikan ia dilakukan dengan jujur dan ikhlas, pastikan apa yang keluar di mulut, sama dengan apa yang ada di dalam hati. C

**Khusus kepada para jemaah,
Terima kasih atas sokongan dan
sumbangan anda kepada masjid ini.
Semoga Allah s.w.t. menerima segala
amalan kita.**

Pejabat Masjid Al-Istiqamah
ditutup pada
25 & 26 Nov 2003
(1 & 2 Syawal)
dan dibuka kembali
dari 9 pg—5 ptg setiap hari pada
27 Nov hingga 8 Dis 2003.
Waktu pejabat 8:30 pg-10:30 mlm
dimulakan lagi setelah itu.

Mengamalkan Islam sebagai Minoriti di Negara Sekular - Satu Cabaran

Oleh Mohd Saat Matari

“Bolehkah tuan memberi panduan bagaimana caranya kita menjadi pengamal Islam yang baik di sebuah negara sekular seperti Singapura melalui pengalaman tuan?”.

Begitulah lebih kurang kandungan soalan yang diajukan oleh seorang peserta remaja di majlis “2nd Young Muslim Convention 2003” yang dianjurkan oleh YMS, MUIS pada hari Sabtu, 2 Ogos 2003 di Hotel Pan Pacific. Soalan yang hampir serupa mesejnya memang sering kita dengar atau baca di majlis-majlis dialog, seminar atau di dada-dada akhbar. Tetapi kali ini ditujukan kepada seorang cendekiawan dari keturunan ulama’, iaitu cucu kepada Imam Hassan Al-Banna yang dilahirkan dan membesar serta berkeluarga di Switzerland, sebuah negara yang peratusan penduduk Islamnya yang lebih kecil. Beliau ialah Dr Tariq Ramadan seorang profesor dan pengarang buku “To be a European Muslim”.

TARIQ RAMADAN



Jawapan spontan beliau ialah, apakah kita di Singapura mengalami masalah untuk mengamalkan Islam?, sedangkan kita bebas mengumpulkan hampir 200 peserta dalam satu ruang hotel yang terkemuka, didatangi oleh tetamu terhormat dari agama asing dan


bebas membincangkan isu tentang Islam?

Adakah kita boleh menjamin sekiranya kita berada di Makkah atau Madinah kita pasti mampu menjadi seorang Islam yang baik? Sememangnya sering kita mendengar kata-kata bahawa kalau kita tinggal di Tanah Suci suasananya tenang, tiada gangguan, halangan dan bebanan untuk menjadi orang

yang soleh.

Itu mungkin terjadi apabila iman kita terkawal, tetapi tidak semestinya, kerana berapa ramai orang yang tahun-tahun ke Makkah dengan tujuan keduniaan, perniagaan atau sebagainya. Berapa ramai orang yang telah sampai ke sana yang tidak dapat melawan nafsunya yang menghalang untuk ke Masjidil haram.

Kita mungkin minoriti, tetapi Islam adalah universal iaitu agama sejagat. Lebih penting ialah kita harus jangan terasa minoriti sehingga menjadikan Islam itu minoriti. Sebaliknya kita harus tonjolkan nilai-nilai Islam yang suci dan universal. Kita juga senantiasa mempertingkatkan ilmu kita tentang Islam supaya kita bersedia dan faham dengan jelas batas-batas. Haram, halal, makruh, subhan semua jelas. G



JADUAL KHATIB/BILAL JUMAAT JAN-FEB 2004

TARIKH	KHATIB/IMAM	BILAL	
JAN 2004	2	Imam Hj Sujuddin Bin Suparuddin	En Roslan Bin Abdul Aziz
	9	Ust Mohd Shafie Bin Mohd Noor	En Mohd Yusri Osman
	16	En Roslan Bin Abdul Aziz	Hj Yaakob Shukor
	23	Ust Hj Mohd Bin Hj Ali *	En Roslan Bin Abdul Aziz
	30	Hj Yaakob Shukor	En Mohd Yusri Osman
FEB 2004	6	Ust Jamaluddin Bin Abdul Wahab	Hj Yaakob Shukor
	13	Imam Hj Sujuddin Bin Suparuddin	En Roslan Bin Abdul Aziz
	20	En Roslan Bin Abdul Aziz	En Mohd Yusri Osman
	27	Ust Naziruddin Bin Mohd Nasir *	Hj Yaakob Shukor

* Khutbah disampaikan dalam bahasa Inggeris pada hari Jumaat keempat setiap bulan.

Cara Menyambut Aidil Fitri

Oleh AbuZubair

Pengertian Aidil Fitri

ISTILAH *Aid* bererti perayaan atau hari ulang tahun. *Fitri* pula bermakna berbuka atau makan minum. Maksudnya, pada hari raya (tanggal 1 Syawal) umat Islam dikehendaki berbuka dan haram berpuasa.

Fitri juga bermaksud tabiat semula jadi. Maksudnya, orang-orang Islam setelah menjalani ibadah puasa selama sebulan disertai dengan ibadah-ibadah lainnya seperti solat tarawih pada malam-malam Ramadan, bertadarus Al-Quran, qiyamullail, berdoa, bersedekah dan sebagainya. Amalan-amalan ini telah melebur dan membersihkan segala dosa sehingga keadaan diri mereka seolah-olah kembali seperti bayi yang baru lahir.

Berdasarkan penerangan di atas, dapat kita simpulkan bahawa Aidil Fitri adalah hari kemenangan bagi umat Islam yang berjaya menundukkan nafsu amarah sepanjang sebulan Ramadhan. Apabila muncul anak bulan Syawal, diri mereka telah bersih daripada dosa, dan mereka sepatutnya benar-benar menjadi orang yang bertaqwa. Inilah mat-

lamat daripada ibadah puasa.

"Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertaqwa." (Al-Baqarah: 183).

Amalan di Aidil Fitri

Aidil Fitri hendaklah disambut dengan acara-acara yang ditunjukkan oleh Al-Quran dan As-Sunnah, iaitu:

a. Membanyakkan Ucapan Takbir

Firman Allah s.w.t:

"Dan sempurnakanlah ibadah puasa kamu mengikut bilangan hari dalam bulan Ramadan (29 atau 30 hari), dan bertakbirlah (membesarkan Allah) atas petunjukNya yang diberikan kepadamu, supaya kamu bersyukur." (Al-Baqarah: 185)

Sabda Rasulullah s.a.w. pula: *"Hiasilah Hari Raya kamu dengan takbir dan tahmid."*

Takbir sunat dilafazkan sama ada oleh orang yang bermukim atau musafir, di masjid atau di jalan, dengan cara duduk atau berdiri, di pasar-pasar, di rumah-rumah kediaman dan sebagainya.

Waktunya bermula dari ghurub matahari akhir Ramadan dan berterusan sepanjang malam Hari Raya hingga solat



Tua, muda, lelaki, perempuan disunatkan menghadiri solat Aid.

Aid didirikan pada esok hari.

b. Menunaikan Zakat Fitrah

Walaupun dibolehkan pembayarannya sejak awal Ramadan, yang afdalnya ialah pada pagi hari Raya selepas solat Subuh dan sebelum solat Aid didirikan. Inilah menurut hukum asal yang dipraktikkan pada zaman hayat Rasulullah s.a.w. dan para sahabat serta tabi'in yang lalu.

Sempena Aidul Fitri, selain diwajibkan berfitrah, umat Islam yang berkemampuan disunatkan memberikan sedekah-sedekah yang lain dengan mengutamakan kaum kerabat kita yang susah, kemudian barulah kepada fakir miskin dan anak-anak yatim.

c. Menghadiri Solat Aid

Sekalian umat Islam tua atau muda, lelaki dan perempuan termasuk yang haidh disunatkan menghadiri perhimpunan Solat Aid, yang merupakan muktamar tahunan bagi masyarakat Islam setempat.

Kehadiran mereka sebagai menghayati sy'ar keagungan Islam dan lambang perpaduan

Bersambung di ms 5...



Pada Hari Raya Aidil Fitri umat Islam dikehendaki berbuka dan haram berpuasa.

... dari ms 4

umat, di samping itu mereka berpeluang bertakbir (mengagungkan Allah) beramai-ramai, mendengar khutbah Aid yang penting, berzikir dan mengaminkan doa yang dibaca oleh imam. Mereka yang tidak uzur berpeluang mendirikan solat Hari Raya.



Menunaikan zakat fitrah adalah wajib.

Daripada Ummu 'Atiyah r.a. ujarnya:

"Kami disuruh membawa gadis-gadis kecil dan wanita-wanita yang haidh pada dua Hari Raya (Aidil Fitri dan Aidil Adhha), agar mereka menyaksikan kebajikan dan doa kaum Muslimin, tetapi wanita-wanita yang sedang haidh itu terpisah dari tempat solat."

Untuk Hari Raya Puasa kita disunatkan menjamah juadah terlebih dahulu, kemudian pergi ke musolla (tempat solat). Tetapi untuk Hari Raya Haji sunat tidak makan terlebih dahulu, sebaliknya kita bersegera ke upacara perhimpunan solat. Solat Aidil Adha disegerakan, lalu menyembelih qurban. Kemudian, kita pulang dengan membawa daging qurban, lalu dimasak dan baru makan.

Mengikut syarak, sunat bagi kita mandi pada pagi Hari Raya dan memakai pakaian serba baru atau yang bersih dan indah. Kemudian, ketika kita pergi ke musolla (masjid/surau), pergi melalui satu jalan dan pulang melalui satu jalan yang lain, dengan tujuan da-

pat bertemu lebih ramai sahabat handai dan saudara sesama Islam.

Kita sama-sama mengucapkan salam Aidil Fitri sambil berbalas senyuman, sama-sama menyatakan gembira dan bersyukur ke hadhrat Ilahi atas petunjuk dan pertolonganNya sehingga kita berjaya menundukkan nafsu sepanjang bulan Ramadan.

d. Amalan-amalan Menjelang Hari Raya Puasa

Umat Islam digalakkan melakukan i'tikaf beramai-ramai di masjid pada malam-malam sepuluh terakhir pada bulan Ramadan (malam ke-21 hingga malam ke-

30) kerana mengharap bertemu malam Lailatul qadr, yang mempunyai nilai lebih baik daripada seribu bulan.

Amalan ini dilakukan pada zaman hayat Rasulullah s.a.w., para sahabat dan abad-abad berikutnya. Bahkan hingga kini masih dilakukan secara besar-besaran di sesetengah negara Islam khususnya di Makkah.

e. Sederhana dan Diredhai Allah

Umat Islam wajar menilai semula segala aktiviti yang telah berjalan selama ini, yang sesetengahnya telah menjadi 'budaya' termasuk acara menyambut Aidil Fitri. Ciri-ciri yang diambil dari budaya luar Islam atau warisan budaya bangsa yang tidak sesuai dengan aqidah dan syari'ah Islam hendaklah ditinggalkan.

Kita boleh menyediakan makanan, juadah dan kuih-muih untuk Hari Raya tetapi biarlah dalam bentuk sederhana. Demikian juga persiapan-persiapan seperti menghias

rumah, pakaian, biarlah sederhana dan sesuai dengan pendapatan keluarga.

Acara ziarah-menziarahi saudara-mara, kaum kerabat, orang-orang yang berjasa kepada kita seperti guru-guru dan sahabat handai, ini sebenarnya tidak terbatas sempena Hari Raya sahaja, ia harus dilakukan pada hari dan bulan lain, yang sesuai dari masa ke semasa, sebagaimana sabda Nabi s. a.w., maksudnya:

"Ziarahilah saudara-mara kamu dari masa ke semasa, kerana ia boleh menambahkan kasih sayang."

Kita lebih-lebih lagi digalakkan menziarahi ibu bapa kita dengan lebih kerap dan jangan menunggu pada Hari Raya sahaja. C

ERTI takbir dan tahmid yang dibaca di Hari Raya:

Allah Maha Besar (3X)
Tiada tuhan selain Allah
Allah Maha Besar
Segala puji bagi Allah
Allah Maha Besar Sebenarnya
Sebanyak-banyak puji bagi Allah
Maha Suci Allah pagi dan petang
Tiada tuhan selain Allah
Hanya kepada-Nya sahalah kami sembah
Kami mengikhlaskan beragama hanya untuk-Nya
Walau orang kafir tidak menyenangnya.
Tiada tuhan selain Allah yang Maha Esa
Dia telah menyempurnakan janji-Nya,
Memberi kemenangan kepada hamba-Nya
Menguatkan bala tentera-Nya
Dan menghancurkan golongan yang engkar dengan sendiri
Tiada tuhan selain Allah
Allah Maha Besar
Segala puji bagi Allah.

KULIAH - KULIAH AGAMA KEMBALI !

...DI
MASJID
AL-ISTIQAAMAH

<u>Pemimpin</u>	<u>Kuliah</u>	<u>Hari & Waktu</u>	<u>Tarikh Dibuka</u>	<u>Lokasi</u>
• Ust Fahrurrazi Kiyai Kassim	Kursus Menghalusi Solat (Umum) (Minggu pertama & ketiga)	Sabtu slps Isyak	03/01/04	Dewan Solat
• Ustz Habsah Bte Senin	Fardu Ain Muslimah	Sabtu 2-3 ptg	13/12/03	Lobi Masjid
• Drs HM Noor Tijany	Kursus Ibadah Sempurna	Ahad slps Isyak	14/12/03	Dewan Solat
• Ust Ibrahim Bin Hussain	Sirah/Fikah/Aqidah (Umum)	Isnin slps Isyak	15/12/03	Dewan Serba- guna Tingkat 2
	Tafsir Al-Quran (Umum)	Khamis 9 mlm	18/12/03	Dewan Serba- guna Tingkat 2
• Imam & Muazzin Masjid	Majlis Bacaan Yasin & Tahlil (Umum)	Khamis slps Maghrib	11/12/03	Dewan Solat
• Ust Ismail Bin Ahmat	Tafsir Juz Amma (Umum)	Jumaat slps Maghrib	02/01/04	Dewan Solat
• Ustz Kamariah Bte Shaikh Abdul Haleem	Kursus Haji & Umrah (Umum)	Isnin slps Isyak	15/02/04	Dewan Solat Utama & Lobi Masjid
	Bimbingan Muslimah	Rabu slps Isyak	14/01/04	Lobi Masjid
• Hj Khamis Bin Anuar	Majlis Ratib Abdul Rahman Al-Attas—Ratib Masjid Ba'alwie (Umum)	Rabu slps Maghrib	17/12/03	Dewan Solat
• Ust Mohd Shafie Bin Mohd Noor	Kursus Solat (Umum) / Hadith 40	Isnin slps Maghrib	22/12/03	Dewan Solat
• Pensyarah Undangan	Syarahan Bulanan (Minggu kedua, keempat & kelima)	Sabtu slps Isyak	10/01/04	Dewan Solat
• Ust Saripi Bin Rawi	Bimbingan Tasawuf (Kitab "Rahsia Sufi")	Selasa slps Maghrib	06/01/04	Dewan Solat
• Ustz Siti Mariam Bte Raub	Kelas Pemantapan & Pengha- yatan Al-Quran (Muslimah)	Khamis 8:00 mlm	11/12/03	Dewan Serba- guna Tingkat 2
• Ustz Syarafiyah Bte Benjol Ahmad	Fardu Ain Muslimah	Selasa slps Isyak	09/12/03	Lobi Masjid
• Ust Tengku Mohd Fouzy	Aqidah, Fikah & Tasawuf (Umum)	Jumaat slps Isyak	26/12/03	Dewan Solat

Maklumat lengkap dan terkini mengenai aktiviti di Masjid Al-Istiqamah boleh didapati di laman web kami di www.mosque.org.sg/alistiqamah.

JADUAL KELAS-KELAS PENGAYAAN

<u>Hari & Waktu</u>	<u>Kelas</u>	<u>Pimpinan</u>	<u>Tarikh Dibuka</u>	<u>Kod Kelas</u>
Isnin 7.45-9.45 mlm	Iqra/Al-Quran Talaqqi Kanak-kanak/ Remaja (digabung dgn kelas hari Sabtu pd 1 Nov 03)	Ust Effendi Ahmad	22/12/03	KQTL203
Isnin 8.00-10.00 mlm	Klinik Iqra/Al-Quran	Ustz Nek Mah Batri	05/01/04	KQKQ103
Rabu 8.00-10.00 mlm	Iqra/Al-Quran Talaqqi Kanak-kanak/ Remaja	Ust Sabran Jummat	07/01/04	KQTKRJ03
Rabu 8.00-10.00 mlm	Klinik Iqra/Al-Quran	Ustz Nek Mah Batri	07/01/04	KQKQ203
Rabu 8.45-10.30 mlm	Iqra Bermodul untuk Dewasa/Remaja	Ust Roslan Abd Aziz	07/01/04	KQIQBD03
Khamis 5.00-7.00 ptg	Iqra/Al-Quran Talaqqi Wanita	Ustz Siti Mariam Raof	08/01/04	KQTWNT03
Jumaat 7.45-9.45 mlm	Menghalusi Bacaan Al-Quran & Asas Ta- jwid/Harfiah	Ust Effendi Ahmad	02/01/04	KQHF03
Sabtu 10.00 pg-1.00 tgh	Iqra/Al-Quran Talaqqi Kanak-kanak/ Remaja	Ust Effendi Ahmad	20/12/03	KQOTL03
Sabtu 2.30-4.30 ptg	Iqra/Al-Quran Talaqqi Dewasa Lelaki	Ust Effendi Ahmad	20/12/03	KQOTL03
Ahad 11.30 pg-1.00 tgh	Menghalusi Bacaan Tajwid & Bahasa Arab Remaja/Dewasa	Ust Effendi Ahmad	21/12/03	KQTJR103
Ahad 4.00-7.00 ptg	Iqra/Al-Quran Talaqqi Mushaffahah Re- maja/Dewasa Lelaki	Ust Effendi Ahmad	21/12/03	KQTM03 KQTMR03
Ahad 4.00-7.00 ptg	Iqra/Al-Quran Talaqqi Mushaffahah Re- maja/Dewasa Perempuan	Ustz Siti Aishah Soeb	21/12/03	KQTM03 KQTMR03
Ahad 2.00-4.30 ptg	Menghalusi Bacaan Al-Quran/Tajwid Wanita	Ustz Jamaeda Ahmad	04/01/04	KQMBQ03
Ahad 5.00-7.00 ptg	Asas Tajwid/Al-Quran Talaqqi	Ust Roslan Abd Aziz	04/01/04	KQAST03
Ahad 3.30-6.00 ptg	Madrasah Tamil	Ustz Sikkandar Ammar	07/12/03	KTLKK03

Untuk pendaftaran kelas pengayaan, sila rujuk ke kaunter pejabat kami atau hubungi talian 62814287.

Jadual Syarahan 'Sabtu Malam' Akan Datang (Selepas Solat Isyak di Dewan Solat Masjid)

- 27 Dis 2003 Ust Jamaluddin Bin Abdul Wahab
- 10 Jan 2004 Ust Ahmad Dahri
- 14 Feb 2004 Ust Hj Mohammad Bin Hj Ali (Bhs Inggeris)
- 28 Feb 2004 Ust Mohd Murat Bin Mohd Aris
- 13 Mac 2004 Ust Burhanuddin Setyo Raharjo
- 27 Mac 2004 Ust Firdaus Yahya Al-Hafiz

*Sekeljan Muslimin dan
Muslimah dipersilakan
hadir.*

Menjangkau Lebih Jauh

Ringkasan Aktiviti Jabatan Pembangunan Keluarga dan Kebajikan di Musim Ramadan 2003

PUSAT PENDAFTARAN BANTUAN TAA (Tabung Amal Aidil Fitri)

Buat pertama kalinya, Masjid Al-Istiqamah telah dilantik sebagai salah sebuah pusat pendaftaran fakir miskin untuk tujuan tersebut dari 20 hingga 30 Oktober 2003. Sebelas hari tersebut telah menyedarkan kita betapa ramainya orang-orang kita yang kurang bernasib baik, dari yang semuda 20 tahun sehingga yang telah uzur.

Sedang ramai yang termasuk dalam golongan tersebut kerana situasi ekonomi yang menyebabkan mereka kehilangan pekerjaan, sakit yang berlarutan atau uzur kerana lanjut usia, yang lebih menyedihkan ialah mereka yang kehilangan pekerjaan tetapi tidak mempunyai pendidikan formal, sedangkan anak-anak mereka bukan satu dua dan terlalu kecil untuk faham cabaran yang akan mereka lalui.

PROJEK SENTUHAN RAMADAN — “MEALS ON WHEELS”

Ini adalah salah satu program Ramadan MUIS, dimana memberi peluang kepada masyarakat untuk membuat kerja kebajikan dan wadah untuk berbakti kepada mereka yang kurang bernasib



Muatan berharga... Dalam perjalanan menghantar hidangan teristimewa.



Menunggu arahan... Sebahagian dari pasukan yang siap sedia untuk menjalankan tugas.

baik. Masjid Al-Istiqamah telah dipilih sebagai salah satu pusat projek tersebut pada hari Sabtu, 8 November 2003.

Relevan dengan tema tahun ini “Sentuhan Ramadan”, pada asalnya Muis hanya mengharapkan jasa baik masjid untuk mengirinkan bubur masjid dan kurma ke rumah-rumah fakir miskin. Bagaimanapun Masjid Al-Istiqamah telah memanfaatkan wang fidyah yang diterima dari jemaah masjid dengan menambah kiriman tersebut dengan makanan asas seperti beras, gula, tepung, minyak, milo, teh, susu, sardin dan lain-lain.

Dengan izin Allah, semua berjalan dengan baik. Relawan tampil dari berbagai sudut termasuk dari kumpulan WASH (Wingers Against Staying Home) yang datang dengan 14 motosikal Gold Wing yang berkuasa besar (1,300 hingga 1,500cc) dan antara mereka termasuk beberapa Muslimah dan non-Muslim. Turut tampil sukarelawan masjid den-

gan 4 motosikal, 1 lori, 1 van dan 5 kereta dan ramai pembantu.

Alhamdulillah, pemberian yang ditaksirkan hampir 15 kg setiap satu tidak menjadi beban kalau dibanding dengan tekad mereka yang memang ingin berbakti. Bermula dari jam 3.00 ptg, kami telah dapat mengirinkan ke 106 rumah di kawasan Serangoon, Hougang, Sengkang dan Ang Mo Kio.

En Azharie Ekwan, ketua kumpulan “WASH” telah melahirkan kesyukuran kerana dapat melakukan kerja amal seperti ini. Katanya lagi ini adalah “Win Win Situation”, kerana dengan itu mereka telah mempermudah masjid dan Muis, mereka sendiri dapat berbakti untuk masyarakat, sementara penerima gembira menerima bantuan. Seperti kata salah seorang anggota mereka yang bukan Islam “I feel very good, looking at the smiling and happy faces of the welfare recipients when they received the porridge and items from us on behalf of Al-Istiqamah Mosque”.

PENGAGIHAN FIDYAH

Peyampaian Kepada Fakir Miskin

Satu Majlis Pengagihan Fidyah telah diadakan di Masjid Al-Istiqamah pada hari Sabtu, 15 November 2003.

Bersambung di ms 9...

... dari ms 8

Seperti tradisinya, majlis telah diserikan dengan ceramah motivasi oleh Ust Hj Ahmad Dahari, sebelum habuan diagihkan kepada 106 keluarga fakir miskin yang tinggal di kawasan kejiranan Masjid Al-Istiqamah yang senarai namanya kami dapatkan dari Muis.



Aktiviti di pangkalan... Para sukarelawan di barisan belakang bertungkus-lumus menyediakan bubur untuk dihantar.

Pengagihan Kepada Rumah Tumpangan PERTAPIS

Kami juga telah menyampaikan sedikit dari wang fidyah kepada rumah tumpangan tersebut, sempena hari Iftar yang dianjurkan mereka pada 19 November 2003 agar dimanfaatkan oleh warga tua yang kami dimaklumkan tinggal di sana.

Pengiriman Barang Makanan

Pada 21 dan 22 November ini pula, kami telah menguruskan pengiriman barang makanan kepada 20 keluarga fakir miskin di kawasan Serangoon untuk mereka menyambut hari Raya. C

Siapa aku selepas Syawal.

*aku patuh pada Rejab
aku taat pada Syaaban
aku sujud pada Ramadan
Rejab, Syaaban dan Ramadan
adalah pelindung usiaku.*

*tetapi aku mula gementar menyusuri liku-liku Syawal
aku mula melihat
potret-potret dosa tergantung di setiap sudut kehidupan
memanggil-manggil namaku dengan kemesraan
seorang perawan.*

*aku khatir meniti siangku
aku bimbang merentasi malamku
mata terbeliak melihat perempuan kaca
telinga mendengar cerita dusta
mulut mengumpat jebat derhaka
tangan menyentuh selendang dara
kaki melangkah ke ruang dosa.*

*dalam gementar aku ingin menyepi
bersembunyi dalam diri
tetapi itu tidak mungkin terjadi
seorang lelaki harus berani
menempuh hempasan realiti.*

*Tuhan, kukhawatir ditimpa tragedi
aku mohon diseret-uji
sekadar bilangan jari-jemari
bukan air mata langit membasahi diri.*

*ku sedari di luar Ramadan tercegak mentari
panasnya menggigit lelaki yang terlupa harga diri
dosa berselerak di sana sini
dan aku akan terus berpaut pada doa Nabi
kerana yang bernama lelaki
akan terus diuji*

*kotaku bukan kota suci
berdebu dan berdaki
aku harus terus berdiri dan berlari
sekalipun kakiku tersandung duri*

*biar Syawal mengganggu diri
Rejab, Syaaban dan Ramadan akan terus menjadi
pautan hati
sehingga menunggu panggilan Ilahi.*

- Mibarzo

Ramadan - Kesempatan untuk Meningkatkan Usaha

Aktiviti Sepintas Jabatan Ibadah dan Dakwah sepanjang Ramadan 2003

PENGAGIHAN BUBUR RAMADAN

SEPERTI tahun-tahun yang sudah, Masjid Al-Istiqamah menyediakan bubur Ramadan untuk sekalian jemaah. Setiap hari, dua periok besar disediakan — cukup untuk mereka yang membawanya pulang dibungkus dan mereka yang berbuka di masjid.

IFTAR (BERBUKA PUASA) DI MASJID AL-ISTIQAMAH

Iftar Harian

Secara purata sekitar 150 jemaah Muslimin dan Muslimah berbuka puasa di Masjid Al-Istiqamah. Dalam usaha mempermudah jemaah yang berbuka di masjid ini, juadah tahun ini ditempah dalam paket. Untuk memastikan jemaah dapat merasa pelbagai menu pula, kita telah menempahnya dari empat “caterer” yang masing-masing membekal untuk seminggu. Tidak termasuk nasi briyani yang didermakan oleh “Restoran Afganistan” dan “Shaikh Sabri” pembekal bubur tahun ini.

Iftar YMS (Young Muslim Secretariat)

Pada hari Sabtu, 8 November 2003, kami telah menjadi tuan



Tetamu khas Majlis Iftar Al-Istiqamah En Hawazi Daipi

rumah majlis iftar tersebut, di mana sekitar 70 perwakilan dari Sekretariat Belia Islam dan sayap-sayap belia Masjid telah hadir, meramalkan lagi acara iftar harian masjid.

Iftar Keluarga Al-Istiqamah

Telah diadakan pada hari Isnin, 17 November 2003, dihadiri oleh sekitar 300 jemaah. Majlis diserikan dengan bacaan ayat suci oleh adik Nurushshazwani bte Sabran yang baru mencecah usia 6 tahun tetapi sudah khatam Al-Quran. Beliau membaca ayat 102-107 dari surah Ali Imran.

Turut hadir pada petang tersebut ialah En Hawazi Daipi, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan dan Sumber Manusia, Ust Datuk Ismail Kamus, Ust Mohd Khozin Alhafiz, Tuan Hj Zain yang menderma dan menaja program hari tersebut dan perwakilan dari Muis.

Pada malam tersebut, Ust Mohd Khozin Alhafiz telah memimpin solat terawih, manakala Ust Datuk Ismail Kamus telah menyampaikan ceramah bertajuk “Ramadan Bulan Bonus” di mana para jemaah yang hadir telah menderma hampir \$2,600 untuk Dana Pembinaan Masjid Sengkang.

Iftar Ulama Singapura

Kami rasa terhormat di atas kesudian Pejabat Mufti yang mengatur majlis perjumpaan untuk para ulama Singapura di Masjid Al-Istiqamah pada hari Jumaat, 21



Bubur Ramadan Al-Istiqamah... Komoditi ‘hangat’ di bulan puasa.

November 2003. Diantara yang hadir ialah Presiden Muis, Pengerus Pejabat Mufti, Ust Fatris Bakaram, Ust Sonhadji dan para asatizah Singapura.

SOLAT TARAWIH

Alhamdulillah sehingga 10 malam terakhir jemaah yang hadir masih memenuhi, malah melebihi ruang solat utama masjid.

Solat tarawih telah dipimpin oleh imam undangan dan imam masjid ini secara bergilir menurut jadual yang telah diatur.

Pada malam-malam ‘santai’ di penghujung minggu, ceramah agama disertakan setelah selesai solat tarawih.

QIYAMAUL LAIL

Setiap tahun, Masjid Al-Istiqamah mengatur program 10 malam terakhir. Ditaksirkan setiap hari sekitar 200 Muslimin dan Muslimat yang menyertai, malahan pada hujung minggu melebihi angka tersebut. Imam masjid di Pasir Gudang, Hj Rashid Alias mengimamkan satu daripada malam itu manakala yang lain dipimpin oleh Ust Mohd Khozin Alhafiz. C

Sambutan Hari Kanak-kanak

Singapore Discovery Centre, 1 Oktober 2003

PAGI-PAGI lagi mereka sudah tiba di madrasah dengan rasa ghairah untuk menyertai lawatan ke Singapore Discovery Center, dalam rangka menyambut Hari Kanak-Kanak pada Rabu 1 Oktober 2003 yang dianjurkan oleh pihak madrasah masjid. Sebelum berangkat, murid-murid yang berumur dari 7 - 12 tahun telah dihidangkan sarapan nasi lemak. Mereka juga telah dibahagikan kepada empat kumpulan mengikut warna dan

darjah. Tepat 9 pagi seramai 186 pelajar, asatizah dan sukarelawan berangkat dengan empat buah bas.

Ketibaan mereka di Singapore Discovery Center disambut oleh para pegawai dan dibahagi kepada 2 kumpulan. Aktiviti menarik yang diadakan termasuk sesi origami, silap-mata, sesi bercerita, permainan "Discovery Square" dan tayangan 3-D "Lego Racers", ta-

yang "On Guard" dan RGB Motion Simulator Ride. Kanak-kanak juga telah diberi "door gifts" di akhir lawatan.

Walaupun keletihan dan kelaparan (sebab dah sampai waktu makan tengahari), ramai kanak-kanak girang dan puas dapat bersama kawan-kawan dan asatizah mereka meraikan hari yang istimewa untuk mereka. C



Sarapan bersama.



Sesi Origami.



Gembira bermain bola dalam permainan "Discovery Square".

Adik-adik sekalian! Sertailah Tunas Ahsan Al-Istiqamah!

Tunas Ahsan ialah sebuah kelab kanak-kanak yang baru dibentuk di bawah Unit Tunas, Jabatan Sumber Manusia. Visi kami ialah untuk membentuk generasi yang berakhlak mulia dan berketramilan. Program-program yang akan dianjurkan meliputi uti bidang pendidikan dan pembelajaran, seni, agama, kesihatan dan kemahiran hidup, keimanan dan keusahawanan. Antara program yang telah dilakarkan termasuk



- Storytelling program cerita dan Membaca
- Fun arts and crafts, fun with games, fun with words etc
- Field Trips Learning Journey
- Art classes
- Sports and Wellness
- Leadership training melalui aktiviti

Kelab ini dibuka kepada semua kanak-kanak berumur antara 7-12 tahun. Tujuannya adalah untuk membentuk generasi yang berakhlak mulia dan berketramilan. Ahli Tunas Ahsan akan mendapat membership card yang mengandungi aiskrim, t-shirt, bingkisan dan lain-lain. Mereka juga akan mendapat potongan harga jika mengikuti semua aktiviti Tunas.



Dapatkan borang pendaftaran di pejabat sekarang juga!!! Ayuh adik-adik, jangan ketinggalan.

Usah tinggalkan kad Rawal semasa berhari raya! Jangan lupa kad Rawal bila adik-adik jalan raya. Dengan memungut \$50 saja, adik-adik akan dapat hadiah. Lebih banyak kutipan, lebih besar hadiah. Itu tidak termasuk pahala dari Allah s.w.t. Selamat Hari Raya Aidil Fitri!

Orang Lama di Masjid Kita

Oleh Mohd Saat Matari

USIA Haji Abu Bakar Abdul Manaf sudah menjangkau 83 tahun, tetapi setiap petang sepanjang Ramadan, beliau akan keluar rumah sendirian, menaiki bas dari rumahnya di Sengkang mengunjungi masjid. Dan sejak beberapa hari terakhir Ramadan, tempat tujuannya ialah Masjid Al-Istiqamah.

Dan pada 10 malam terakhir Ramadan, beliau tidak pulang selepas Tarawih, sebaliknya terus beriktikaf di masjid melakukan amal ibadah mencari keredhaan Allah. Setelah agak penat, beliau berehat dengan membaringkan diri di atas tikar hijau dikawasan lobi buat seketika, diselimuti dengan kedingin malam.

Dan ini bukanlah kali pertama Haji Abu Bakar melakukannya, dan bukan pertama kali beliau menjadi Masjid Istiqamah sebagai tempat beriktikaf.

Malah, beliau memanfaatkan sepenuhnya sisa usia yang masih ada dengan kerap ke masjid di luar bulan Puasa.



Hj Abu Bakar, 83 (kanan) bersama seorang lagi warga tua yang telah mengikuti qiyam tahun ini sejak dari awal, Hj Bohari bin Hj Yusoff, 72 (kiri) dari Geylang Baru, ditemani oleh sukarelawan Al-Istiqamah Hj Alias, selepas sahur.

Beliau biasanya tiba di Masjid Al-Istiqamah sekitar jam 6.30 petang bukan sekadar untuk berbuka bersama para jemaah masjid ini sahaja. Selepas berbuka, beliau terus iktikaf di masjid ini menanti solat Isyak dan Tarawih.

Setelah itu, barulah beliau pulang ke rumah untuk berehat dan bermesra, bersama cucu sebelum kembali semula ke Masjid Al-Istiqamah pada sebelah petang.

Beliau bangun semula sekitar 3 pagi untuk mengikuti program selanjutnya, program Qiyamul lail, dengan mengerjakan solat tahajud, taubah, tasbih, hajat dan witr p i m p i n a n Ustaz Muhammad Khozin Muhsan Al-Hafiz.

Ini diikuti dengan sahur, solat subuh dan kuliah subuh.

Kalau di luar Ramadan, beliau memang sering mengikuti kuliah Ust Mohd Noor Tijany pada setiap hari Ahad. Walaupun kuliah bermula selepas solat Isyak, tetapi beliau akan tiba di masjid awal sebelum Maghrib.

Orang-orang lama Kampung Arang dan Tampines Blk 145 mungkin masih kenal beliau, kerana sehingga kini beliau masih aktif dengan kumpulan marhaban Jama'atul Ghufuran. Katanya pada setiap hujung minggu (Sabtu dan Ahad), kumpulannya biasa diundang sehingga dua tiga rumah dalam sehari. Beliau gembira menunaikan hajat orang dan biasanya tidak menolak undangan kenduri pada apa hari pun, kecuali hari Rabu, kerana dikhususkan untuk menghadiri majlis ratib di Bedok Reservoir.

Semoga beliau senantiasa berada dalam pemeliharaan dan keredhaan Allah s.w.t. G

Kami sedia menerima sumbangan daripada sekalian pembaca. Sertakan penulisan anda dengan nama penuh, nombor kad pengenalan dan alamat. Segala sumbangan yang kami sertakan di dalam terbitan menjadi hak milik Lembaga Pentadbir Masjid Al-Istiqamah.

'Suara Al-Istiqamah' adalah risalah yang diterbitkan oleh Masjid Al-Istiqamah. Pandangan-pandangan yang diutarakan di dalam terbitan ini adalah milik penulis dan tidak semestinya mencerminkan pandangan rasmi pihak Masjid Al-Istiqamah.

Masjid Al-Istiqamah
2 Serangoon North Ave 2
Singapura 555876

Tel: 6281-4287 Fax: 6281-3204
Email: info@alisticqamah.mosque.org.sg



Lembaga Pentadbir Masjid
Al-Istiqamah

Membina Masyarakat Beriman, Berilmu & Beramal.

**Lelaman internet kami:
www.mosque.org.sg/alisticqamah**